

FAQ Pelarasan Tarif Perkhidmatan Pembetungan Kategori Domestik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan

Bil	Soalan	Jawapan
1.	Apakah perbezaan antara perkhidmatan bersambung dan perkhidmatan menyanenap cemar?	<p>Perkhidmatan bersambung adalah apabila kumbahan yang dihasilkan daripada aktiviti di dalam premis domestik (rumah) dialirkan melalui paip pembetungan seterusnya dirawat di loji rawatan kumbahan awam yang dikendali dan disenggara oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) sebelum dilepaskan ke alur air berhampiran. Pengguna yang menerima perkhidmatan pembetungan akan menerima bil perkhidmatan bersambung daripada IWK sekali bagi setiap enam (6) bulan.</p> <p>Perkhidmatan menyahenap cemar pula diberikan kepada premis domestik yang mempunyai tangki septik bagi tujuan pengumpulan enap cemar kumbahan. Apabila tangki septik telah penuh, IWK akan menjalankan perkhidmatan menyahenap cemar yang mana sisa enap cemar di dalam tangki septik disedut dan kemudiannya dibawa menggunakan lori tangki ke pusat rawatan enap cemar sebelum dilupuskan dengan selamat. Pengguna perkhidmatan enap cemar akan dikenakan caj oleh IWK setelah perkhidmatan diberikan.</p>
2.	Kenapa tarif perkhidmatan pembetungan kategori domestik perlu diselaraskan?	<p>Tarif perkhidmatan pembetungan kategori domestik perlu diselaraskan atas faktor-faktor berikut:</p> <p>Kedudukan Kewangan Defisit (Kerugian) IWK merekodkan kerugian sejak tahun 1999 kerana pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan operasi berikutan daripada kadar tarif pembetungan yang tidak pernah disemak sejak tahun 1994 (bersamaan 28 tahun). Purata kerugian bagi 3 tahun terkini adalah sebanyak RM44.19 juta</p> <p>Mengimbangi Kenaikan Kos Operasi Kos operasi IWK adalah untuk mengumpul, merawat dan melupuskan sisa kumbahan yang mana kos utama terdiri daripada kos</p>

Bil	Soalan	Jawapan
		<p>elektrik, penyenggaraan dan tenaga kerja. Kos operasi ini meningkat setiap tahun dengan unjuran purata peningkatan kos operasi sebanyak 4.0% setahun. Namun pendapatan IWK kekal sama sejak tahun 1994. Pendapatan semasa tidak mencukupi untuk menampung peningkatan kos operasi.</p> <p>Mengurangkan Risiko Operasi IWK hendaklah memastikan efluen terawat yang dilepaskan ke sumber air/sungai mematuhi piawaian kualiti efluen yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). IWK memerlukan pendapatan yang mencukupi bagi memastikan loji rawatan kumbahan (LRK) awam berfungsi dengan cekap serta menjalankan penyenggaraan secara berkala.</p> <p>Pertambahan Aset Pembedungan Awam Sehingga kini, IWK bertanggung jawab mengendalikan sejumlah 7,347 LRK awam 1,398 rangkaian stesen pam dan 20,828 km jajaran paip pembedungan. Pertambahan aset ini menyumbang kepada peningkatan kos operasi.</p> <p>Memenuhi Keperluan Perbelanjaan Modal (CAPEX) operasi Terdapat lebih 45% peralatan yang diselenggara IWK telah berusia lebih daripada 10 tahun (<i>Ageing Equipment</i>). IWK membuat peruntukan perbelanjaan sejumlah RM40 juta setahun bagi melaksanakan kerja-kerja CAPEX operasi dan penggantian peralatan yang berusia secara berperingkat dan ini boleh mengelakkan kegagalan peralatan semasa pengoperasian yang boleh menjejaskan proses rawatan.</p> <p>Tahap Perkhidmatan yang Lebih Efektif dan Efisien Bagi membolehkan IWK menjalankan penambahbaikan dengan menggunakan teknologi baharu dan terkini untuk menyelesaikan masalah operasi.</p>
3.	Berapakah purata kos bagi menyediakan perkhidmatan pembedungan bersambung dan	Purata kos sebulan bagi menyediakan perkhidmatan pembedungan bersambung adalah RM18.00 berbanding dengan kadar

Bil	Soalan	Jawapan
	menyahanap cemar berbanding purata tarif?	<p>tarif semasa bagi perkhidmatan bersambung iaitu antara RM2.00 hingga RM8.00.</p> <p>Kos sebenar perkhidmatan menyahanap cemar tangki septik adalah RM22.00 sebulan berbanding dengan kadar tarif semasa yang dikenakan iaitu antara RM2.00 hingga RM6.00 sebulan.</p>
4.	Siapakah yang akan terkesan dengan pelaksanaan pelarasan tarif pembedahan?	<p>Pelarasan tarif hanya melibatkan pengguna yang menerima perkhidmatan pembedahan bersambung dan menyahanap cemar di bawah kategori domestik sahaja. Walau bagaimanapun tiada peningkatan kadar tarif perkhidmatan pembedahan bersambung bagi kategori rumah kampung dan rumah kos rendah.</p>
5.	Apakah caj baharu yang dikenakan bagi perkhidmatan bersambung dan menyahanap cemar setelah pelarasan tarif perkhidmatan pembedahan dikuatkuasakan?	<p>Caj baharu adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembedahan) 2022 yang boleh dicapai di laman web SPAN www.span.gov.my</p>
6.	Mengapakah kos perkhidmatan IWK semakin meningkat?	<p>Kos perkhidmatan IWK meningkat atas faktor-faktor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pertambahan LRK awam yang mana IWK kini mengendalikan dan menyenggara sejumlah 7,347 LRK awam dan lebih daripada 20,820 km paip pembedahan; • Kos operasi IWK seperti kos tenaga elektrik, kos rawatan dan pelupusan kumbahan dan enap cemar kumbahan, kos pembaikan serta penyelenggaraan terus meningkat seiring dengan peningkatan jumlah kemudahan pembedahan awam yang diselenggara oleh IWK; dan • IWK juga perlu menanggung kos pematuhan dalam memenuhi piawai pelepasan efluen terawat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan efluen akhir dapat dilepaskan dengan selamat ke alur air berdekatan.

Bil	Soalan	Jawapan
7.	Apakah justifikasi pengenalan caj baharu bagi perkhidmatan pembedungan?	<p>Caj baharu ini diperkenalkan selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021 pada 30 Mac 2021 yang mana perkhidmatan menyahenap cemar akan dilaksanakan secara berjadual. Oleh itu, caj pembatalan perkhidmatan menyahenap cemar, caj perkhidmatan berulang dan caj menyahenap cemar sistem tradisional diperkenalkan bagi membolehkan pengguna bertanggungjawab untuk pematuhan kepada Peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala bagi caj minimum perkhidmatan bersambung, pengenaan caj ini dikenakan kepada premis yang tidak berpenghuni untuk menampung kos tetap ketersediaan perkhidmatan.</p>
8.	Apakah cadangan untuk mengimbangi impak kenaikan kepada semua pengguna?	<p>Kadar tarif perkhidmatan pembedungan bersambung bagi kategori rumah kos rendah dan rumah kampung dikekalkan bagi tahun 2023. Manakala, kategori domestik selain rumah kos rendah dan rumah kampung kadar tarif akan diselaraskan secara berperingkat iaitu pada tahun 2023, 2024 dan 2026 dengan kenaikan sebanyak RM2 ke RM3 bagi setiap peringkat.</p> <p>Manakala bagi perkhidmatan menyahenap cemar untuk premis yang memiliki tangki septik, kadar tarif diselaraskan dengan peningkatan antara RM5 hingga RM8 sebulan bermula pada 1 Oktober 2022.</p> <p>Bagi meringankan beban rakyat, bantuan bersasar akan disalurkan melalui pemberian rebat kepada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan program eKasih.</p>
9.	Apakah medium untuk pengguna melaporkan aduan berkenaan perkhidmatan pembedungan?	<p>Sebarang aduan berhubung perkhidmatan pembedungan bolehlah dilaporkan kepada IWK melalui:-</p> <p>E-mel : care@iwk.com.my Tel : 03-2083 2828 Faks : 03-2095 6002</p> <p>Atau aduan juga boleh dikemukakan kepada SPAN melalui emel aduan@span.gov.my</p>

Bil	Soalan	Jawapan
10.	<p>Bagaimanakah pihak kerajaan dan pengawalselia memantau prestasi IWK dalam memastikan tanggungjawab mereka dilaksanakan?</p>	<p>SPAN akan memantau prestasi IWK melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan merangkumi aspek teknikal, kewangan dan khidmat pelanggan; - Pengauditan berkala ke atas pengoperasian; - Pelaksanaan OPEX dan CAPEX selaras dengan Rancangan Perniagaan yang telah diluluskan; dan - Pelaporan prestasi kewangan. <p>SPAN akan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya IWK didapati tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan perundangan subsidiari termasuk syarat lesen yang dikenakan.</p>